

04 MAY 1997

Mahathir-Kabinet

TIADA PENYUSUNAN SEMULA KABINET, KATA DR MAHATHIR

GABORONE (Botswana), 4 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau belum ada rancangan untuk menyusun semula kabinet, tetapi akan melantik seorang menteri baru untuk menggantikan Datuk Abu Hassan Omar yang telah dipilih sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

Berkata kepada para pemberita Malaysia di sini malam tadi, Dr Mahathir yang tiba semalam bagi lawatan rasmi ke Botswana, berkata beliau perlu mengisi kekosongan jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang dikosongkan oleh Abu Hassan.

Pada masa ini, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed telah dilantik sebagai pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Jumaat lepas, Dr Mahathir berkata beliau telah memilih Abu Hassan untuk menggantikan Muhammad Haji Muhammad Taib kerana beliau mahukan pengganti yang bersesuaian "seseorang yang bersih dan mampu melaksanakan tugas tersebut."

Apabila ditanya sama ada beliau akan membuat pertukaran tambahan kepada kabinet, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak fikir begitu."

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan membuat perubahan kabinet jika diperlukan kemudian.

"Saya tidak mahu bercakap sesuatu yang kemudian mungkin dianggap saya tidak bercakap benar, tetapi pada masa ini saya tidak berhasrat untuk membuat perubahan kabinet," kata beliau. --BERNAMA

ES RI